

KESATUAN PELAJAR DI MALAYSIA: NARATIF BAHARU GERAKAN MAHASISWA

(Student Union in Malaysia: A New Narrative of Student Activism)

Zulkifli Hasan

*Timbalan Rektor (Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Masyarakat)
International Islamic University Malaysia*

Abstrak

Setakat pengetahuan penulis, sehingga hari ini, tiada karya ilmiah mahupun dokumentari khusus dan terperinci mengenai Kesatuan Pelajar di Malaysia. Sejarah Kesatuan Pelajar di Malaysia juga tidak direkodkan secara menyeluruh dan generasi hari ini dan akan datang pastinya tidak berpeluang mempelajari dan mengambil pengajaran pengalaman lalu yang amat berharga. Artikel ini bertujuan untuk memberikan perspektif baharu kepada aktivisme dan gerakan mahasiswa di Malaysia menerusi model Kesatuan Pelajar. Penulis menggunakan metodologi kaedah penyelidikan kepustakaan dengan menelusuri dan menganalisis literatur dan amalan-amalan Kesatuan Pelajar di United Kingdom dan pengalaman Kesatuan Pelajar zaman era 60an dan 70an di Malaysia. Penulis juga mengongsikan pengalaman secara langsung penubuhan Kesatuan Pelajar pertama di Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia setelah Akta Universiti dan Kolej Universiti (Akta 30) diperkenalkan pada 1971. Artikel ini mendapati bahawa gerakan mahasiswa menerusi model Kesatuan Pelajar pada era 60an dan 70an di Malaysia adalah lebih efisien dan berkesan. Idea mengembalikan penubuhan Kesatuan Pelajar boleh menjadi pencetus kepada naratif baharu aktivisme mahasiswa yang lebih progresif dan dinamik. Dengan kelebihan model Kesatuan Pelajar yang bergerak sebagai entiti sendiri dengan ciri-ciri yang unik membuka peluang yang lebih besar dan berpotensi memberikan impak signifikan kepada pembangunan pelajar, institusi dan masyarakat.

Kata Kunci: Kesatuan Pelajar, universiti, generasi, naratif dan mahasiswa.

Abstract

As to the best of the writer's knowledge, as of today, there is no specific and extensive academic writing or documentary about Student Union in Malaysia. We even do not have comprehensive record on the history of Student Union in Malaysia and today and future generation are not able to learn and take lesson from the valuable past experiences. This article aims at providing a new perspective on student activism in Malaysia through Student Union's model. The writer employs library research method to explore and analyse relevant literature and practices of Student Union in the United Kingdom and Student Union in Malaysia in the era of 1960s and 70s. The writer also shares his direct experiences on the establishment of the first Student Union in Malaysia namely International Islamic University Malaysia after the introduction of the Universities and the University Colleges Act (Act 30) in 1971. This article finds out that student activism through Student Union's model is more efficient and impactful. The idea to reintroduce the establishment of Student Union can be a catalyst towards creating new narrative of students activism which is more progressive and dynamic. The establishment of Student Union as its own entity with unique features offers more opportunities and has potential to significantly make impact to the students development, institutions and society.

Keywords: Student Union, university, generation and narrative.

PENDAHULUAN

Apabila disebut zaman keemasan atau kegemilangan aktivisme mahasiswa, sudah pastinya ramai yang akan merujuk era 1960an dan awal 1970an. Pada waktu itu, pelajar memainkan peranan begitu signifikan dalam masyarakat dengan berani kehadapan membela nasib rakyat walaupun berdepan pelbagai risiko dan cabaran. Semasa isu kemiskinan di Baling pada 1974, dikatakan 60-90% mahasiswa terlibat dalam aktivisme termasuk demonstrasi khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia dan di Universiti Malaya. Namun, setelah pengenalan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), persepsi umum melihat bahawa mahasiswa tidak lagi seagresif era 1960an dan awal 1970an yang digelar sebagai *the angry youngman*.

Aktivisme mahasiswa mula mengendur setelah AUKU diperkenalkan pada 1971 kesan daripada ledakan gerakan mahasiswa yang memuncak termasuk peristiwa 13 Mei 1969 (Chang-Da Wan, (2017). Pada 1975, pindaan AUKU yang melarang pelajar terlibat dalam politik merupakan detik penting dalam sejarah gerakan mahasiswa di Malaysia berikutan peristiwa di Baling 1974. Pindaan AUKU 1975 khususnya Seksyen 15 dan 16 menyaksikan bermulanya gerakan mahasiswa yang kurang agresif dan bergerak dalam ruang lingkup yang terhad akibat daripada sekatan dan kekangan undang-undang termasuk kawalan daripada kerajaan meliputi larangan memberi sokongan kepada pihak luar kampus, larangan membuat kenyataan akhbar dan larangan menganggotai pertubuhan luar kampus dan larangan menguruskan kewangan sendiri. Peruntukan yang melarang persatuan mahasiswa bergabung mana-mana pertubuhan luar kampus menyebabkan gerakan mahasiswa tidak lagi mempunyai hubungan sepertimana sebelum AUKU dengan pertubuhan seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia dan Majlis Belia Malaysia. Walaupun pindaan AUKU 2012 telah membuka ruang kepada mahasiswa untuk terlibat dalam politik di luar kampus, ia masih belum cukup untuk menjadi pemangkin kepada kebangkitan pelajar memandangkan kekangan lain yang masih wujud dalam AUKU.

Pemansuhan AUKU dicadangkan berlaku pada 2020 dan usaha awal menerusi pindaan AUKU pada Disember 2018 antara bukti menunjukkan komitmen mengupayakan aktivisme mahasiswa dengan memberi lebih ruang dan peluang bergiat dalam politik di kampus. Kerajaan juga sedang giat mengusahakan penggubalan akta baharu yang lebih dinamik dan progresif (cadangan awal menamakan akta baharu ini dengan Akta Pendidikan Tinggi 2020) bagi menggantikan AUKU dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Bagi menyediakan platform yang lebih kemas dan bebas untuk mahasiswa beraktivisme, usaha penubuhan Kesatuan Pelajar dilaksanakan dengan menjadikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sebagai model perintis.

GENERASI AWAL GERAKAN MAHASISWA DI MALAYSIA

Dalam konteks Malaysia, kajian oleh Mohammed Abu Bakar, (1973) bertajuk *Mahasiswa Menggugat* adalah antara karya yang menjadi rujukan utama mengenai sejarah gerakan pelajar tanahair. Selain itu, beberapa rujukan lain juga menarik untuk dibaca antaranya Hasan Karim dan Siti Nor Hamid, (1984) *With the People! The Malaysian Student Movement 1967-1974*, Zainah Anwar, (1990). *Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar*, Junaidi Abu Bakar, (1993) *Mahasiswa Politik dan Undang-undang*, Abdul Razaq Ahmad, (2005) *Mahasiswa Abad 21*, Weiss, Meredith L. (2005) *Still With People? The Chequered Path of Student Activism in Malaysia*, Weiss, Meredith L. (2016) *Aktivisme Mahasiswa Malaysia* dan Riduan Mohamad

Noor (2007) Potret Perjuangan Mahasiswa Dalam Cerminan Dekad. Mahasiswa perlu merujuk kepada karya-karya ini untuk menerokai dan menelusuri sejarah jatuh bangun pahit manis gerakan mahasiswa di Malaysia. Memahami, menghargai dan menghayati perjuangan generasi awal gerakan mahasiswa pastinya memberikan inspirasi dan pengajaran penuh bermakna untuk mencipta gerakan mahasiswa yang lebih dinamik.

Tokoh gerakan pendidikan boleh dijejaki sejak awal abad ke-20 dengan nama-nama seperti Syeikh Tahir Jalaludin, Syed Syeikh al Hadi, Ibrahim Yaakub, Hasan Manan, Ishak Muhamad, Ahmad Boestamam dan Aminudin Baki yang berjuang untuk meningkatkan kemerdekaan dan pendidikan rakyat (Saifuddin Abdullah, 2009). Namun, gerakan mahasiswa secara rasminya popular menerusi peranan aktif pelajar mahasiswa Universiti Malaya yang diterajui aktivis pelajar seperti Anwar Ibrahim, Sanusi Osman, Syed Hamid Ali, Hishamudin Rais dan ramai lagi. Generasi awal gerakan mahasiswa terlibat secara aktif memperjuangkan dan membela nasib rakyat serta aktif dengan isu-isu antarabangsa. Antara gerakan pelajar yang terkehadapan pada waktu ini merangkumi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya, Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, Kelab Sosialis dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia. Pada waktu ini, mahasiswa bebas berdemonstrasi dan Sudut Pidato adalah sangat aktif di mana para mahasiswa berdialog, berforum, berinteraksi dan berbahas mengenai pelbagai isu dalam dan luar negara. Kesemua ini menjadi penanda aras kepada keberkesanan dan kekuatan pengaruh gerakan Mahasiswa.

Gerakan mahasiswa adalah suatu kuasa yang sangat signifikan kepada negara. Ia mampu merubah keadaan dan mempengaruhi dinamika sesebuah masyarakat serta mengukir sejarah. Sejarah kegemilangan kebangkitan mahasiswa era 60an dan awal 70an menyaksikan pelajar berdemonstrasi mengutuk pengeboman Hanio-Haiphong oleh Amerika Syarikat pada 1966, isu kemiskinan dan status tanah di Teluk Gong (1967), demonstrasi mengutuk kerajaan Filipina atas tuntutan Sabah (1968), menentang kedudukan Soviet Union ke atas Czechoslovakia (1968), menentang dasar Apartheid (1970) dan demonstrasi menyokong perjuangan rakyat Palestine (Mohammed Abu Bakar, 1973). Dalam konteks isu nasional, mahasiswa bangkit dengan perjuangan memartabatkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar dan bahasa rasmi pentadbiran universiti dan demonstrasi isu kemiskinan di Baling pada 1974. Seramai 5000 pelajar berdemonstrasi di Kuala Lumpur menyuarakan isu kemiskinan di Baling dan lebih 1128 pelajar ditahan oleh pihak berkuasa. Fakta yang tidak boleh dilupakan juga adalah sumbangan gerakan mahasiswa dalam penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1970 yang dipelopori Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (Mohammed Abu Bakar, 1973) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 1983 oleh Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia.

Kebangkitan mahasiswa era 60-an dan 70an meninggalkan nostalgia yang berwarna warni kepada sejarah negara. Pada waktu itu, tidak banyak universiti, badan bukan kerajaan, organisasi masyarakat sivil dan aktivis masyarakat seperti yang ada pada hari ini. Aktivisme masyarakat didominasi oleh mahasiswa. Beberapa perubahan dan revolusi yang berlaku di dunia seperti Revolusi Iran juga mempengaruhi aktivisme mahasiswa pada waktu itu. Anwar Ibrahim antara aktivis gerakan mahasiswa telah menziarahi Iran susulan Revolusi Iran pada 1979. Selain itu, gerakan mahasiswa banyak menerima pengaruh sosialis dan faktor ini jugalah yang memberi kesedaran dan keprihatinan mereka terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat. Lebih penting, sosio-ekonomi masyarakat khususnya orang Melayu pada waktu itu berada dalam keadaan yang memerlukan pembelaan sewajarnya.

Gerakan mahasiswa pada era 60an dan awal 70an mengambil pendekatan yang agresif seiring dengan zaman dan realiti yang ada. Demonstrasi jalanan dijadikan salah satu amalan dan pendekatan bagi menzahirkan bantahan dan ketidakpuashatian. Sudut pidato amat berkesan menarik minat ramai mahasiswa untuk terlibat memperjuangkan isu-isu bukan sahaja isu berkaitan kebajikan pelajar tetapi melibatkan rakyat dan masyarakat. Mahasiswa dianggap masyarakat sebagai hero memperjuangkan nasib rakyat walaupun berdepan risiko ditangkap dan dibuang universiti. Terdapat mahasiswa yang ditangkap dan dikenakan tindakan disiplin kerana menyuarakan bantahan dan kritikan kepada kerajaan.

Lebih menarik, gerakan mahasiswa pada zaman kegemilangannya memainkan peranan yang penting dan signifikan dalam pelbagai perkara termasuk terlibat aktif dalam perniagaan dan berdikari. Misalnya Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya era sebelum AUKU menyaksikan mereka memiliki bangunan dan kenderaan serta mempunyai perniagaan seperti kantin dan kafeteria. Kesatuan Pelajar menjadi platform utama gerakan mahasiswa untuk menjalankan aktiviti dan program. Kesatuan Pelajar juga memiliki aset mereka sendiri dan mengendalikan beberapa perniagaan memberikan perkhidmatan kepada mahasiswa dan komuniti di kampus. Ini menjadikan Kesatuan Pelajar lebih mandiri dan mampu mentadbir urus organisasi dengan baik dan lestari.

SEJARAH KESATUAN PELAJAR

Sejarah awal gerakan pelajar di Eropah direkodkan bermula di Universiti Bologna yang ditubuhkan pada 1088. Isu kenaikan kos sewaan penginapan pelajar menjadi antara faktor bermulanya gerakan pelajar di mana mereka membawa kes ini kepada Frederick Barbossa yang kemudiannya memberikan kuasa kepada pelajar yang dipilih dikenali sebagai *Dominus Rector*. *Dominus Rector* ini diberikan autoriti untuk menjaga hal ehwal pelajar dan mempunyai tadbir urus sendiri termasuk suara memilih Rektor. Universiti di Scotland seperti St Andrews, Glasgow dan Aberdeen mengambil pendekatan model Universiti Bologna ini (Mike Day dan Jim Dickinson, 2018).

Kesatuan Pelajar pertama ditubuhkan di United Kingdom ialah the Student Societies of Edinburgh University iaitu pada 1737 kemudiannya dijenamakan semula sebagai the Student Representative Council pada 1884. Universiti Edinburgh mengiktiraf organisasi ini sebagai wakil rasmi suara pelajar dan memudahkan penyaluran maklumat serta mempromosi kehidupan kampus. Union Societies pula ditubuhkan di Universiti Cambridge pada 1815 dan Universiti Oxford pada 1823 (Mike Day dan Jim Dickinson, 2018). National Union of Students, United Kingdom ditubuhkan pada 1922 dan sehingga hari ini lebih 600 Kesatuan Pelajar mewakili empat juta pelajar bernaung dibawahnya. Kesatuan Pelajar memainkan peranan yang sangat signifikan menjamin aktivisme mahasiswa yang dinamik dan progresif.

Di Eropah, terdapat beberapa pertubuhan pelajar menerajui gerakan mahasiswa yang lebih bersifat ideologikal dan keagamaan. World Student Christian Federation, World Federation of Democratic Youth, World Assembly of Youth dan International Union of Socialist Youth memainkan peranan penting dalam gerakan mahasiswa. Namun, terdapat gerakan mahasiswa sangat berpengaruh iaitu Internationale Des Etudiants (IDE) yang telah ditubuhkan pada 1919. IDE melibatkan 42 pertubuhan pelajar tetapi akhirnya terkubur pada 1940 setelah tentera Jerman menutup ibu pejabatnya di Brussels. Selain itu, International Union of Students (IUOS) ditubuhkan di Prague pada 1946 yang membawa ideologi sosialis, manakala di Eropah Barat, International Student Conference dan Coordinating Secretariat for National Unions of Students ditubuhkan di Leiden sebagai reaksi kepada penubuhan IUOS (Philip G. Altbach, 1970).

Gerakan mahasiswa di Eropah pada era ini lebih menjurus kepada ideologi antara Eropah Timur dan Eropah Barat. Dalam konteks negara-negara Eropah, European Students' Union (ESU) adalah gabungan Kesatuan Pelajar paling berpengaruh.

Usaha penubuhan Kesatuan Pelajar ini bukan sahaja di Malaysia tetapi juga berlaku di Turki. Beberapa universiti di Istanbul bergerak ke arah penubuhan Kesatuan Pelajar. Gerakan mahasiswa di Turki melihat potensi Kesatuan Pelajar yang boleh memberi anjakan paradigma dan perkembangan lebih signifikan kepada aktivisme pelajar. Namun, usaha ke arah penubuhan Kesatuan Pelajar ini sedikit terganggu dengan beberapa isu perundangan dan peraturan. Antara isu utama yang sehingga kini diperbincangkan adalah keperluan insuran kepada Kesatuan Pelajar syarat yang sama diletakkan kepada Kesatuan Sekerja (Filiz Gazi, 2019).

Kesatuan Pelajar di luar negara khususnya di United Kingdom dan Eropah telah melepasi beberapa fasa evolusi merangkumi tiga paradigma iaitu *Ivory Tower Student Union*, *Market Forces Student's Union* dan *Student Centered Unions*. Terdapat beberapa model Kesatuan Pelajar yang dilaksanakan. Ada Kesatuan Pelajar yang didaftarkan sebagai sebuah syarikat. Ada juga yang didaftarkan sebagai badan bukan kerajaan atau organisasi kebajikan termasuk kesatuan seperti kesatuan sekerja. Ini menimbulkan persoalan penting untuk menentukan bentuk dan model Kesatuan Pelajar yang ingin ditubuhkan di Malaysia.

KESATUAN PELAJAR DI MALAYSIA

Harus diakui bahawa tidak banyak literatur dan rujukan mengenai sejarah Kesatuan Pelajar di Malaysia. Sejarah Kesatuan Pelajar di Malaysia bermula dengan penubuhan Universiti Malaya di Singapura pada 1949 dan kemudiannya Universiti Malaya di Kuala Lumpur pada 1962 (Chang-Da Wan, 2017). Universiti Malaya ditubuhkan di bawah University of Malaya Ordinance 1949 dan University of Malaya Act 1961. Sejarah menyaksikan kebangkitan gerakan mahasiswa progresif di Universiti Malaya yang mendominasi perjuangan mahasiswa selama beberapa dekad.

Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya merupakan Kesatuan Pelajar terawal ditubuhkan dalam konteks gerakan pelajar universiti di Malaysia. Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya ini bermula dengan penubuhan Medical College Union (MCU) di King Edward VII College of Medicine di Singapura pada 1922 dan Raffles College Union (RCU). Menarik untuk dikongsikan bahawa di awal penubuhan hanya pelajar lelaki diwajibkan menganggotai MCU. Akhirnya pada 1947, pelajar siswi juga diwajibkan menjadi ahli MCU. Pada waktu ini kegiatan MCU berlegar di sekitar penganjuran konsert, drama pentas, kegiatan sastera, debat, dan kebajikan pelajar (Weiss, Meredith L, 2016).

MCU dan RCU kemudiannya berkembang dan digabungkan menjadi Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya. Keahlian Kesatuan diwajibkan kepada semua pelajar Universiti Malaya manakala kelab dan persatuan boleh memilih untuk berada di bawah Kesatuan atau tidak. Penggabungan ini menyaksikan kelab dan persatuan bersifat politik, kekal tidak bernaung di bawah Kesatuan Mahasiswa. Berikutan dengan penubuhan Universiti Malaya di Kuala Lumpur dan Universiti Singapura pada 1962 Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya mewakili gerakan mahasiswa di Kuala Lumpur dan University of Singapore Student Union ditubuhkan di Universiti Singapura. Kesatuan kelab politik seperti Kelab Sosialis dan Kelab Sosial Demokratik termasuk Persatuan Mahasiswa Islam, Persatuan Mahasiswa Katholik, Persatuan

Sastera dan Budaya Cina adalah antara yang paling aktif dan agresif menunjukkan kebebasan yang dinikmati oleh mahasiswa pada waktu itu.

Jika di Eropah wujudnya ESU dan NUS di United Kingdom, idea gabungan Kesatuan Pelajar ini juga sudah ada sejak 1952 menerusi Malayan Students' Conference. Pada 1953 Pan-Malayan Student Federation (PMSF) ditubuhkan. PMSF ini didominasi oleh mahasiswa berbangsa Cina dan terlibat dengan gerakan mahasiswa antarabangsa seperti International Union of Student di Prague dan International Student Conference di Leiden (Weiss, Meredith L, (2016)). Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya kemudiannya membentuk gabungan dengan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). GPMS juga merupakan antara gerakan pelajar yang aktif menjadi tapak kepada tokoh pejuang dan pimpinan politik tanahair seperti Ahmad Boestaman, Syed Husin Ali, Sanusi Osman dan Abdullah Ahmad Badawi.

Fakta di atas menunjukkan bahawa Kesatuan Pelajar bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia. Sejarah membuktikan bahawa kebangkitan awal gerakan mahasiswa dipelopori oleh Kesatuan Pelajar. Suasana pada waktu itu pula adalah kondusif kepada mahasiswa untuk beraktivisme memandangkan mereka menikmati kebebasan, tanpa ada halangan undang-undang seperti AUKU. Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya adalah contoh terbaik kegemilangan aktivisme mahasiswa di mana mereka memainkan peranan sangat signifikan kepada negara. Kita dapat melihat bagaimana mahasiswa terlibat aktif memperjuangkan hak dan pelbagai perkara merentasi isu dalaman universiti, nasional sehingga antarabangsa. Gerakan mahasiswa pada waktu itu mendapat liputan utama media perdana dan sentiasa menjadi perhatian dan rujukan masyarakat.

Namun, pengenalan kepada AUKU telah meninggalkan implikasi signifikan kepada gerakan mahasiswa. Kesatuan Pelajar telah terkubur dan gerakan mahasiswa juga mula mengendur dan tidak seperti sebelum itu. Larangan dan kekangan undang-undang telah menyekat dan mengekang mahasiswa dalam banyak perkara. Malahan pindaan AUKU pada 1975 telah mengendur dan menyukarkan lagi gerakan mahasiswa dengan pertambahan larangan dan halangan. Perkara ini diakui ramai penganalisis akademik, aktivis mahasiswa dan pengkaji gerakan mahasiswa di Malaysia.

MENGEMBALIKAN KESATUAN PELAJAR DI MALAYSIA

Kesatuan Pelajar mampu menjadi *catalyst* kepada kebangkitan mahasiswa dengan dimensi yang baharu lebih segar sesuai dengan perkembangan dunia masa kini. Kesatuan Pelajar boleh bergerak dengan lebih laju dan memberikan maklumbalas dan reaksi secara pantas. Ciri-ciri ini membolehkan Kesatuan Pelajar membantu universiti dan masyarakat umumnya mengetengahkan isu-isu terkini secara lebih berkesan. Kesatuan Pelajar boleh menjadi telinga, mata dan mulut universiti merangkumi aspek pengumpulan dan penyampaian maklumat termasuk sumber saran terhadap penyelesaian sesuatu isu dan masalah. Kerjasama antara universiti dan Kesatuan Pelajar pastinya akan dapat membina persefahaman yang membawa manfaat kepada warganya dan masyarakat.

Beberapa isu utama dibangkitkan oleh pelajar mengenai ruang lingkup dan kerangka sedia ada gerakan mahasiswa. Antara yang sering disebut ialah keputusan-keputusan yang memberikan kesan kepada pelajar tidak melibatkan mahasiswa termasuk isu kewangan dan kebenaran penggunaan ruang dan fasiliti. Cadangan dan saranan pelajar terhadap sesuatu perkara tidak diberikan pertimbangan sewajarnya oleh pengurusan universiti. Kesatuan Pelajar merupakan salah satu mekanisme untuk mengembalikan keupayaan mahasiswa untuk mentadbir urus dan

membina potensi sebenar mereka. Kesatuan Pelajar memainkan peranan sebagai sebuah organisasi yang demokratik dilantik oleh pelajar, diuruskan oleh pelajar dan berkhidmat untuk pelajar. Kesatuan Pelajar akan berdiri sendiri dan mempunyai autonomi dari aspek tadbir urus, kewangan dan mempunyai kuasa eksekutif untuk menjalankan operasinya.

Kesatuan Pelajar di Eropah, Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan lain-lain negara telah membuktikan pengaruh mereka yang signifikan dalam memberikan khidmat kepada warga universiti. Malahan gabungan Kesatuan Pelajar Eropah atau European Students' Union (ESU) dan National Union of Student, United Kingdom (NUS) adalah sangat berpengaruh dan menjadi antara organisasi yang memainkan peranan penting dalam pelbagai perkara sama ada berkaitan dengan pembuat dasar dan polisi kerajaan bahkan mempengaruhi pengeluaran dan penawaran di sektor pasaran. Brian Simon, Presiden National Union of Students, United Kingdom menyatakan peranan Kesatuan Pelajar bukan sahaja menyentuh masalah pentadbiran tetapi menjadi peneraju badan pelajar ke arah reformasi Pendidikan dan kebebasan akademik (Mike Day dan Jim Dickinson, (2018).

Penubuhan Jawatankuasa Kesatuan Pelajar

Kerajaan berhasrat untuk memperkasakan pelajar dengan memansuhkan AUKU pada 2020 di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dr. Maszlee Malik sebagai Menteri Pendidikan dan menggantikannya dengan undang-undang komprehensif dan yang lebih baik. Kesatuan Pelajar pula akan ditubuhkan dan diberikan peruntukan tersendiri oleh institusi, dan bebas mentadbir kesatuan sendiri. Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi Bahagian Mahasiswa Holistik telah menubuhkan dua Jawatankuasa utama bagi merealisasikan idea Kesatuan Pelajar iaitu Jawatankuasa Pembentukan Kesatuan Pelajar dan Jawatankuasa Kerja Pembentukan Kesatuan Pelajar pada 2018.

Jawatankuasa Pembentukan Kesatuan Pelajar

Pengerusi	Dr. Zaid Omar (Pengarah Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia)
Timbalan Pengerusi	Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Malaysia Pahang)
Ahli	Hassan Abdul Karim (Ahli Parlimen Pasir Gudang)
	Nik Rosmilawati Nik Yusoff (KPM)
	Dr. Nik Mazny Abdul Majid (KPM)
	Profesor Madya Dr. Zulkifli Hasan (Timbalan Rektor Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti, UIAM)
	Profesor Dr. Afandi Salleh (TNC HEPA, UNISZA)
	Dr. Wan Chang Da (IPPTN)
	Fadhlina Dato Sidek (Peguam)
	Hishamuddin Rais (Penulis)
Adam Adli Abd Halim (Mahasiswa)	

Jawatankuasa Kerja Pembentukan Kesatuan Pelajar

Pengerusi	Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin (Timbalan Naib Canselor HEPA, UMP)
-----------	--

Ahli	Profesor Madya Dr. Zulkifli Hasan (Timbalan Rektor Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti, UIAM)
	Profesor Dr. Afandi Salleh (Timbalan Naib Canselor HEPA, UNISZA)
	Hafsah Md Yusoff (HEPA, UIAM)
	Ahmad Izzudin Yunus (HEPA, UIAM)
	Mazlan Mohamad (HEPA, UNISZA)
	Haryani Abdullah (HEPA, UMP)
	Muhamad Faisal Muhamad Yasin (HEPA, UMP)

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penubuhan Kesatuan Pelajar UIAM pada 2018. Inisiatif ini kemudiannya diikuti oleh Universiti Awam yang lain pada 2019. Jawatankuasa di peringkat universiti ini amat penting untuk memperhalusi idea penubuhan Kesatuan Pelajar dalam konteks keperluan dan kesesuaian institusi itu sendiri. Pendekatan ini juga adalah bertepatan dengan idea mengangkat suara akar umbi dan pandangan pelajar sendiri untuk memikirkan bentuk dan model Kesatuan Pelajar yang bersesuaian.

Jawatankuasa Penubuhan Kesatuan Pelajar UIAM

Penasihat	Profesor Madya Dr. Zulkifli Hasan (Timbalan Rektor, Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti, UIAM)
Pengerusi	Dr. Mahyuddin Daud (Ahli Akademik)
Timbalan Pengerusi	Dr Mohd. Syarqawi Hamzah (Ahli Akademik)
Setiausaha	Wan Harith Iskandar Wan Roslan (Mahasiswa)
Ahli	Ahmad Izzuddin Yunus (Staf Pentadbiran) Muhammad Amin Mubarak Bin Mohd Junid (Mahasiswa) Arif Azhan Rashdan (Mahasiswa) Muhammad Yusuf Nazaruddin (Mahasiswa) Amir Nadzim Kaharudin (Mahasiswa) Muhammad Nurarif bin Mohd 'Adli (Mahasiswa) Aidil Aizzuddin bin Razlan Rizal (Mahasiswa) Ahmad Irham bin Dollah (Mahasiswa)

Pengalaman secara langsung penulis menerajui hal ehwal pembangunan pelajar dan penglibatan komuniti termasuk sebagai Jawatankuasa Teknikal Kajian AUKU, Jawatankuasa Pembentukan Kesatuan Pelajar dan Jawatankuasa Kerja Pembentukan Kesatuan Pelajar di peringkat Kebangsaan dan Jawatankuasa Penubuhan Kesatuan Pelajar UIAM memberikan banyak pendedahan kepada usaha-usaha ke arah penubuhan Kesatuan Pelajar. Pengalaman penuh bermakna bersama-sama pelajar, pentadbir, pihak kementerian dan aktivis masyarakat termasuk Hishamudin Rais, Adam Adli, Hassan Abdul Karim, Fadhlina Siddiq dan lain-lain meneroka model Kesatuan Pelajar yang ideal boleh diwujudkan di Malaysia. Usaha mengembalikan Kesatuan Pelajar ini diikuti dengan komitmen kerajaan untuk memperkenalkan undang-undang baharu menggantikan AUKU yang dijangkakan akan dibentangkan pada 2020.

Bagi menunjukkan komitmen ini, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia menerusi Bahagian Mahasiswa Holistik telah memilih Universiti Islam Antarabangsa Malaysia untuk menjadi perintis kepada Model Kesatuan Pelajar yang ingin ditubuhkan. Bukan itu sahaja, pelbagai inisiatif lain telah dilaksanakan untuk memberikan kebebasan dan autonomi kepada pelajar. Malahan, tindakan dan usaha berterusan ini menunjukkan komitmen dalam

memberikan autonomi kepada mahasiswa menerusi idea penubuhan Kesatuan Pelajar. Autonomi mahasiswa ini perlu diikuti dengan pemberdayaan dan pemeraksanaan gerakan mahasiswa agar mereka boleh berdiri sendiri tanpa bergantung kepada kerajaan dan pihak tertentu.

Reaksi Pentadbir, Pengurusan dan Ahli Akademik

Mahu tidak mahu antara pihak yang akan paling terkesan dengan perkembangan gerakan mahasiswa adalah pentadbir universiti. Fungsi dan peranan pentadbir universiti pasti akan berubah dan memerlukan kajian untuk meneruskan kerelevanannya. Jika sebelum ini pentadbir universiti sibuk menguruskan aktiviti dan program pelajar termasuk pilihan raya kampus, kini perkara-perkara ini akan dimainkan oleh Kesatuan Pelajar. Begitu juga dengan ahli akademik dan pengurusan fakulti. Suara mahasiswa dan keterlibatan dalam perkara yang melibatkan kebajikan dan kepentingan pelajar termasuk akademik kini perlu lebih diberikan perhatian menerusi Kesatuan Pelajar.

Penulis menerima pelbagai reaksi negatif dan positif pentadbir universiti dan ahli akademik mengenai idea Kesatuan Pelajar. Ada yang sangat positif dan ingin lebih tahu perkembangan dan model pelaksanaannya. Namun, tidak dinafikan bahawa ramai juga yang bersifat kritikal dan skeptikal sehinggakan ada yang mempersoalkan kesiediaan dan kematangan mahasiswa. Bahkan ada yang menolak cadangan perkongsian tadbir urus untuk membenarkan mahasiswa terlibat dalam jawatankuasa universiti seperti Senat dan lain-lain. Pandangan ini lebih kepada persepsi dan dimensi lama yang melihat pelajar sebagai belum matang dan kurang berkemampuan untuk terlibat dalam proses membuat keputusan. Perkara ini bukanlah baru malahan Profesor Bruce Truscot dalam bukunya Redbrick University diterbitkan pada 1944 juga menentang idea memberikan lebih peranan kepada pelajar kerana beranggapan bahawa mahasiswa belum matang dan tidak sesuai untuk turut terlibat dalam pentadbiran universiti.

Naratif dan persepsi kurang keyakinan kepada kemampuan pelajar sebenarnya harus berubah. Mahasiswa adalah bakal pemimpin masa hadapan dan seharusnya mereka diberikan peluang dan ruang untuk terlibat sama dalam proses membuat keputusan penting sebagai pemegang taruh terbesar dalam universiti. Kurang pengalaman dan pengetahuan bukanlah alasan kukuh untuk meniadakan peranan mereka. Malahan, adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak universiti untuk melatih dan memberikan kemahiran dan pengetahuan kepada mereka. Sejarah Kesatuan Pelajar yang berusia ratusan tahun memperjuangkan hak pelajar dan terlibat dalam reformasi Pendidikan membuktikan ia adalah relevan dan signifikan.

Reaksi Mahasiswa

Idea penubuhan Kesatuan Pelajar di UIAM telah dimulakan seawal November 2018. Setelah mendapat mandat daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, pihak UIAM telah menubuhkan Jawatankuasa Penubuhan Kesatuan Pelajar. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyediakan pelan dan kajian serta inisiatif ke arah penubuhan Kesatuan Pelajar. Bagi memastikan idea ini adalah bersifat membumi dan melibatsamakan seramai mungkin pemegang taruh, Jawatankuasa ini adalah bersifat bebas dan dianggotai oleh wakil Majlis Perwakilan Pelajar, wakil jawatankuasa mahallah, pelajar daripada pelbagai latarbelakang, ideologi, pegangan politik dan bidang.

Secara umumnya, di awal usaha ke arah penubuhan Kesatuan Pelajar UIAM, pelajar dan warga kampus masih belum memahami dan mengetahui perbezaan dan kerangka Kesatuan Pelajar

yang dimaksudkan. Pelbagai reaksi dan maklumbalas warga kampus mengenai idea penubuhan Kesatuan Pelajar. Sehubungan itu, kami merasakan perlunya idea Kesatuan Pelajar ini datang sendiri daripada pelajar dan bukan pentadbir universiti mahupun Kementerian. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan, antaranya Panggilan Kertas Kerja dan Cadangan Kesatuan Pelajar, Sesi *Townhall*, Jelajah Kampus, Siri Bengkel, Sudut Pidato, Kempen dan Promosi, Laman Sesawang, Media Sosial dan pelbagai usaha lain. Sesi libatsama dan penerangan dianjurkan dengan pemegang taruh seperti pelajar, pimpinan kelab dan persatuan, kuliah, hal ehwal pelajar, pentadbir, pengetua *Mahallah* atau kolek kediaman, pensyarah dan ahli akademik, senat, pengurusan universiti termasuk Lembaga Governor.

Maklumbalas dan reaksi pelajar bercampur baur. Ada yang mengalu-alukan idea penubuhan Kesatuan Pelajar dan ada juga yang mempersoalkan kerelevanannya. Terdapat juga pelajar yang tidak kisah dan pasif dengan perkembangan ini. Ada pula segelintir mahasiswa yang skeptikal, malahan mengkritik idea penubuhan Kesatuan Pelajar walaupun mereka sendiri tidak memahami apa itu Kesatuan Pelajar. Kritikan-kritikan pedas juga dilontarkan dengan beranggapan bahawa idea Kesatuan Pelajar ini adalah sia-sia dan tiada perbezaan dengan Majlis Perwakilan Pelajar. Lebih sukar lagi adalah untuk menangani dan memberi penjelasan kepada mahasiswa yang mendakwa serba serbi tahu segala-galanya walaupun pada hakikatnya tidak.

Di sebalik semua itu, beberapa grup pelajar telah mewujudkan kumpulan dan membuat penyelidikan mengenai model, ruang lingkup, tadbir urus, sumber kewangan, keahlian, pilhanraya kampus, perundangan dan pelaksanaan Kesatuan Pelajar. Ini bermakna di kala ada pelajar yang skeptikal dan tidak ambil tahu dengan gerakan mahasiswa, didapati masih terdapat ramai mahasiswa yang cakna dan mahu melihat pembaharuan berlaku di kampus menerusi idea Kesatuan Pelajar.

Pada 11 Februari 2019, pihak Jawatankuasa Penubuhan Kesatuan Pelajar UIAM mengeluarkan notis untuk menjemput mana-mana pihak (termasuk entiti luar universiti) untuk merangka kertas kerja dan membentangkannya di dalam konferens Kesatuan Pelajar. Pada 15 April 2019, sebanyak 6 pembentangan kertas kerja cadangan dan idea dalam Konferens Kesatuan Pelajar. Konferen ini telah dihadiri oleh lebih kurang 1000 peserta daripada universiti awam dan swasta.

Senarai Pembentang Kertas Cadangan Dalam Konferen Kesatuan Pelajar UIAM

Organisasi	Pembentang
<i>Student Democratic Alliance</i>	Luqman Hakim bin Kamaruzzaman Farida Hanim Binti Bukhari
WUFI UIAM	Firzan Haniff bin Abd Manap
MPP UIAM	Nor Aqilah bt Mohamad Zaki Idayu Mumtaz binti Iskandar
GAMIS	Hazim bin Md Nor, Ahmad Shauqi bin Johara
Majlis Jawatankuasa Mahallah UIAM	Umar Danial b Nasarudin Nur Fatin Auni binti Zuber
Majlis Persatuan Kuliyyah UIAM	Ahmad Farhan Bin Rosli Luqman Hakim Suzaili

Apa yang sangat menarik ialah pengalaman menyaksikan bagaimana pelajar-pelajar daripada pelbagai latarbelakang politik, ideologi, fikrah, kecenderungan dan pemikiran duduk semeja berbincang secara rasional aman damai bersama-sama menggembelng tenaga ke arah penubuhan Kesatuan Pelajar. Perbezaan bukan lagi menjadi masalah tetapi ia merupakan kekuatan yang menghasilkan percambahan fikiran dan idea bernas. Persamaan idea untuk memperkasakan pelajar menambahkan lagi kelancaran proses penubuhan Kesatuan Pelajar. Penulis duduk berbincang bersama pelajar-pelajar meneroka setiap aspek penubuhan Kesatuan Pelajar sama ada dari sudut teknikal, perundangan, perlembagaan, kewangan, governan dan tadbir urus, pengurusan, autonomi dan sebagainya. Pelajar-pelajar ini membuat kajian dan merujuk pelbagai pihak dan bahan rujukan mengenai amalan dan pelaksanaan Kesatuan Pelajar di luar negara. Keharmonian ini jelas terpancar dan membuktikan bahawa kesatuan dalam kepelbagaian oleh warga mahasiswa itu adalah realiti dan boleh berlaku.

NARATIF BAHARU GERAKAN MAHASISWA

Sesetengah pihak beranggapan Kesatuan Pelajar boleh sahaja diwujudkan menerusi penukaran nama Majlis Perwakilan Pelajar kepada Kesatuan Mahasiswa atau Kesatuan Pelajar. Ia sebenarnya tidak bertepatan dengan model Kesatuan Pelajar yang ideal serta tidak memenuhi ciri-ciri yang ada pada Kesatuan Pelajar. Jika hanya sekadar menukar nama tetapi keseluruhan kerangka Kesatuan Pelajar itu tidak berlaku, maka ia bukanlah pembaharuan yang diinginkan. Kesatuan Pelajar dalam kerangka Majlis Perwakilan Pelajar yang ada pada hari ini masih meletakkan urustadbir dan autonomi di bawah universiti dan ia tidak boleh pergi jauh melangkaui naratif sedia ada.

Kesatuan Pelajar seharusnya memberikan dimensi baharu kepada gerakan mahasiswa selepas ini. Kerangka Kesatuan Pelajar yang lebih dinamik seiring dengan amalan di luar negara seperti United Kingdom dan Eropah akan membuka ruang yang sangat luas kepada gerakan mahasiswa. Oleh itu, mahasiswa sendiri perlu memahami kerangka ini dan meneroka potensi Kesatuan Pelajar dalam erti kata sebenarnya untuk meningkatkan impak gerakan mahasiswa ke tahap yang lebih tinggi. Semua pihak perlu diberi kefahaman akan perbezaan antara Kesatuan Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar.

Kesatuan Pelajar Sebagai Sebuah Entiti Sendiri

Barangkali ramai yang tidak menyedari bahawa terdapat peruntukan mengenai Kesatuan Pelajar dalam AUKU. AUKU Jadual Pertama Seksyen 48 (1) memperuntukkan bahawa Pelajar Berdaftar Universiti selain pelajar luar, hendaklah pada kesemuanya menjadi suatu badan yang dinamai Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti (Kemudian daripada ini dalam Perlembagaan ini disebut 'Kesatuan'). Walaupun AUKU mempunyai peruntukan mengenai Kesatuan Pelajar, namun, dari sudut kerangka pelaksanaannya dan beberapa peruntukan mengenai pelajar tidak menggambarkan semangat Kesatuan Pelajar itu sendiri. AUKU juga mengenakan beberapa sekatan kepada kebebasan pelajar seperti larangan berpolitik di dalam kampus, larangan persatuan pelajar mengurus kewangan sendiri dan larangan membuat kenyataan akhbar.

Di United Kingdom, punca kuasa Kesatuan Pelajar adalah daripada Education Act 1994 dan didaftarkan sebagai Syarikat Liabiliti Terhad dan dikategorikan sebagai entiti kebajikan di bawah Companies Act 2006 United Kingdom. Lembaga Amanah diwujudkan bagi menjalankan dan melaksanakan Kesatuan Pelajar (Mike Day dan Jim Dickinson, (2018). Kesatuan Pelajar ini adalah bebas dan tidak terikat dengan universiti melainkan terma rujukan dalam Perjanjian antara Universiti dan Kesatuan Pelajar. Dalam erti kata lain, ia adalah

separate legal entity atau entiti yang berlainan daripada universiti. Asas ini membolehkan Kesatuan Pelajar untuk berdiri sendiri malahan sah dari segi undang-undang untuk memiliki aset, akaun bank sendiri, menandatangani perjanjian, kontrak dan bermacam-macam lagi. Bagi menjamin fungsi dan peranan Kesatuan Pelajar di universiti termasuk keistimewaan penggunaan ruang dan fasiliti, hubungan antara universiti dan Kesatuan Pelajar ini diikat menerusi Memorandum Perjanjian.

Walaupun Kesatuan Pelajar adalah entiti yang berbeza, status dan konsep hubungannya dengan universiti adalah perlu jelas. Oleh itu, adalah menjadi keperluan kepada pihak universiti dan Kesatuan Pelajar diikat dan ditentukan terma rujukan dan persefahaman menerusi Memorandum Perjanjian. The Committee of University Chairs dan National Union of Students telah menerbitkan Guidance on Relationship Agreements for Higher Education Providers and Students' Union sebagai rujukan yang bermanfaat untuk dijadikan panduan dalam aspek ini (CUC, 2011).

Dalam konteks UIAM, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pelajar. Umumnya, cadangan ini merujuk kepada Kesatuan Pelajar didaftarkan sebagai syarikat, pertubuhan, badan kebajikan dan ada juga yang berpandangan ia perlu dikekalkan sepertimana kerangka Majlis Perwakilan Pelajar dengan sedikit penambahbaikan. Berdasarkan kepada semua kertas kerja yang dibentangkan semasa Konferen Kesatuan Pelajar pada 15 April 2019, umumnya semua bersetuju dengan keperluan memberikan lebih autonomi kepada Kesatuan Pelajar.

Bagi melaksanakan idea penubuhan Kesatuan Pelajar yang bersifat mandiri dan bebas, beberapa pertemuan dan perbincangan telah dibuat bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pendaftar Pertubuhan dan Pendaftar Pertubuhan Belia. Perbincangan demi perbincangan diatur bagi meneroka model terbaik dan paling bersesuaian. Perbincangan juga diadakan bersama Pejabat Penasihat Undang-undang dan ahli akademik bagi meneroka pendekatan terbaik penubuhan Kesatuan Pelajar.

Model Kesatuan Pelajar menerusi kerangka syarikat adalah tidak sesuai memandangkan ia terikat dengan Akta Syarikat 2016 (Akta 777) bahkan akan melibatkan tanggungjawab membayar cukai sedangkan Kesatuan Pelajar bukanlah organisasi yang berorientasikan keuntungan semata-mata. Kesatuan Pelajar boleh mempunyai motif membuat keuntungan tetapi ia mempunyai peranan dan tanggungjawab yang lebih daripada itu seperti memberikan khidmat dan menjaga kebajikan dan bersifat sebagai gerakan masyarakat sivil.

Mendaftarkan Kesatuan Pelajar sebagai pertubuhan belia di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) juga tidak menepati objektif yang dikehendaki. Antara tujuan Kesatuan Pelajar adalah menggabungkan kesemua pelajar di bawah satu bumbung termasuk pelajar pasca siswazah. Mendaftar di bawah Pertubuhan Belia hanya akan mengehadkan keahlian Kesatuan Pelajar kepada mahasiswa berusia tidak lebih 30 tahun. Maka idea penubuhan Kesatuan Pelajar sebagai pertubuhan Belia juga adalah tidak sesuai. Idea Kesatuan Pelajar ini sebenarnya juga bertujuan untuk menggabungkan antara pelajar pra siswazah dan siswazah yang sebelum ini dasingkan dari aspek pentadbirannya. Pelajar prasiswazah akan diwakili MPP manakala pelajar siswazah menerusi Persatuan Pelajar Siswazah dan hasilnya menyebabkan tiadanya sinergi dan kerjasama rapat antara keduanya. Kesatuan Pelajar akan dapat menyelesaikan isu ini di mana ia membuka ruang dan peluang kepada kesemua warga kampus tanpa ada pengasingan antara pelajar pra siswazah dan siswazah.

Pertemuan dengan Pendaftar Pertubuhan telah membuka ruang perbincangan demi perbincangan. Dalam konteks kerangka perundangan sedia ada dan kesesuaian, Kesatuan Pelajar sewajarnya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 355). Ini selaras dengan hasrat dan tujuan Kesatuan Pelajar itu sendiri sebagai sebuah badan kebajikan dan bukan badan korporat. Beberapa isu dibangkitkan oleh Pendaftar Pertubuhan mengenai idea penubuhan Kesatuan Pelajar khususnya penggunaan nama Kesatuan atau *Union*. Setelah merujuk Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262) dan Akta Pertubuhan 1966 serta mendapat sokongan daripada Bahagian Mahasiswa Holistik, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Pendaftar Pertubuhan akhirnya bersetuju dengan pemakaian nama IIUM *Student Union* atau Kesatuan Pelajar UIAM.

Pilihan Raya Kampus

Era pasca Pindaan AUKU 1975 menyaksikan pilihan raya kampus dikawal dan diuruskan oleh Pentadbir Universiti. Perjalanan, operasi, pentadbiran, urustadbir dan pelaksanaan pilihan raya kampus diselenggara oleh pihak universiti tanpa melibatkan pelajar. Mahasiswa terlibat sebagai pengundi dan berkempen untuk memilih wakil mereka dalam MPP. Pemerhatian umum menyaksikan amalan sebelum ini di mana terdapat universiti yang menyusun atur wakil pelajar yang dimahukan dan memberi sokongan khusus untuk memastikan menang dalam pilihan raya kampus. Maka, tidak hairanlah terdapat istilah mahasiswa pro-kerajaan atau blok aspirasi dan pro-pelajar atau aspirasi mahasiswa setiap kali pilihan raya kampus diadakan. Amalan ini memerlukan perubahan dan reformasi.

Dalam konteks Kesatuan Pelajar, terdapat dua pendekatan pilihan raya kampus sama ada diuruskan oleh badan bebas terdiri daripada mahasiswa sendiri ataupun ia diselenggara oleh pihak universiti. Terdapat juga amalan di mana keseluruhan perjalanan pilihan raya kampus diuruskan oleh badan bebas terdiri daripada mahasiswa sendiri. Di United Kingdom, pilihan raya kampus untuk memilih wakil Kesatuan Pelajar diuruskan oleh pihak universiti. Terdapat universiti seperti Loughborough University yang memperuntukkan sejumlah wang kepada calon-calon pilihanraya untuk berkempen. Pilihanraya dijalankan secara dalam talian dan masa yang wajar diberikan kepada pelajar untuk mengundi (Idayu et al, 2020). Walau apapun pendekatan yang digunakan, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya kampus mesti memastikan ketelusan, keadilan dan keberkesanan pilihan raya. Dalam konteks Malaysia, pilihan raya kampus sesuai diuruskan oleh badan bebas dianggotai mahasiswa sendiri. Pihak universiti boleh membantu Suruhanjaya Pilihan raya kampus dari aspek penyediaan fasiliti, kewangan, keselamatan dan teknikal. Mahasiswa perlu belajar menguruskan pilihan raya kampus secara telus dan bebas serta mampu menangani sebarang persoalan dan bantahan secara bijaksana dan berhikmah.

Kelestarian Kewangan

Kesatuan Pelajar umumnya menerima dana daripada beberapa sumber. Antaranya menerusi dana daripada universiti, yuran keahlian, sumbangan dan derma serta hasil keuntungan dan pendapatan perniagaan. Aspek kewangan adalah sesuatu yang perlu diberikan perhatian untuk menjamin kelestarian Kesatuan Pelajar. Kesatuan Pelajar tidak boleh hanya bergantung kepada dana universiti atau pihak tertentu tetapi perlu mempelbagaikan sumber pendapatan dan merancang pengurusan kewangan yang sistematik dan kukuh. Amalan Kesatuan Pelajar di United Kingdom menunjukkan bahawa ada universiti yang memasukkan yuran Kesatuan Pelajar dalam struktur yuran universiti.

Berbanding Majlis Perwakilan Pelajar, Kesatuan Pelajar boleh menjalankan perniagaan dan menandatangani kontrak perjanjian malahan memiliki aset sendiri. Dalam konteks Kesatuan Pelajar, *social enterprise* adalah model paling berpotensi untuk diterokai. Sheffield University yang pernah diiktiraf sebagai Kesatuan Pelajar terbaik di United Kingdom mempunyai lebih 250 pekerja tetap yang menjalankan operasi harian. Kesatuan Pelajar Sheffield Universiti menjana pendapatan sebanyak tujuh juta *Pound Sterling* setahun (Idayu et al, 2020).

Kesatuan Pelajar membuka ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk berkreativiti menjana kewangan kesatuan menerusi perniagaan dan transaksi komersan melangkaui amalan dan ruang lingkup Majlis Perwakilan Pelajar. Zaman kegemilangan Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya menyaksikan mereka memiliki aset dan harta seperti seperti bas mini dan mendominasi perniagaan makanan di kafeteria dan kantin di kampus. Mahasiswa mendapat manfaat harga yang berpatutan dan sesuai dengan kehendak dan keperluan.

Perlu diingat autoriti untuk mengendalikan kewangan sendiri juga menuntut Kesatuan Pelajar untuk menjamin ketelusan dan integriti. Kewangan mesti diuruskan sebaiknya menepati piawaian organisasi. Akaun perlu diaudit dan diselenggara secara professional. Kesatuan Pelajar perlu juga memberikan perhatian kepada undang-undang pengubahan wang haram. Permasalahan dan salah tadbir kewangan yang membawa implikasi signifikan akhirnya menjadi faktor utama kegagalan sebuah Kesatuan.

Terdapat Kesatuan Pelajar yang mengalami krisis kewangan akibat gagal menguruskan perbelanjaan dengan baik bahkan National Union of Students, United Kingdom juga mengalami masalah kewangan yang kritikal dan berhadapan kemungkinan untuk diisytiharkan bankrap (Richard Vaughan, (2018). Selain itu, ada juga Kesatuan Pelajar yang dibawa ke Mahkamah kerana didapati menyalahgunakan kewangan untuk tujuan selain daripada mandat yang diberikan. Sebagai contoh dalam kes Polytechnic of North London Students' Union yang ingin mendanai piket pekerja lombong pada 1984 (Mike Day dan Jim Dickinson, 2018). Kesatuan Pelajar Polytechnic of North London telah dirujuk ke Mahkamah dan kalah kes ini kerana terlibat dengan perkara yang berlawanan dengan objektif dan terma rujukan kewangan Kesatuan Pelajar.

Pembuat Keputusan dan Dasar

Pelajar seharusnya dianggap sebagai pemegang taruh dalam ekosistem pendidikan tinggi negara. Pelajar sewajarnya diberikan peluang untuk terlibat dalam membuat dasar dan keputusan termasuk sebagai pemegang taruh yang boleh membuat semakan dan imbang kepada dasar dan keputusan yang dibuat oleh universiti. Sudah sampai masanya mahasiswa diberikan peluang untuk membuktikan kemampuan mereka dan mengambil pengalaman berharga ini. Pengurusan dan ahli akademik boleh membimbing dan memberikan panduan kepada pelajar aspek-aspek penting sebagai pertimbangan dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan.

Kesatuan Pelajar di United Kingdom telah lama melibatkan mahasiswa dalam pelbagai jawatankuasa dan mesyuarat penting universiti. Sebagai contoh University Queen Belfast merupakan universiti pertama di dunia yang mengiktiraf wakil Kesatuan Pelajar dalam Senat iaitu pada 1908, lebih seratus tahun yang lalu. Bahkan the Further and Higher Education Act 1992 menjadikan tanggungjawab statutori kepada Higher Education Funding Council for England untuk mendapatkan maklumbalas pelajar bagi menilai kualiti dan piawaian pengajaran dan pembelajaran. Ini juga selaras dengan konsep *modern collegiality* yang menjadi

asas dan falsafah kepada European Students' Union. Policy Paper on Public Responsibility, Governance and Financing of Higher Education of the European Students' Union, 2016 merumuskan konsep *modern collegiality* sebagai '*Academic Collegiality in the 21st century involves recognizing that students and academic staff are united in a common purpose and should partake equally in the management of higher education institutions*' (ESU, (2009).

Wakil Kesatuan Pelajar perlu diberikan peluang terlibat secara langsung dengan jawatankuasa dan mesyuarat yang relevan dengan kebijakan dan kepentingan pelajar. Pandangan mereka perlu dihormati dan dihargai malahan memberikan nilai tambah kepada kualiti keputusan yang dibuat. Pandangan dan suara pelajar mewakili majoriti warga kampus adalah sangat signifikan. Berdasarkan kepada amalan di universiti luar negara, wakil Kesatuan Pelajar dicadangkan untuk diberi ruang terlibat dalam Senat, Pengurusan Universiti, Majlis Penasihat Pelajar, Mesyuarat fakulti dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang relevan.

Neutral Politik

Non-partisan dan *politically neutral* merujuk kepada kebebasan mahasiswa untuk membuat keputusan tanpa ditentukan atau bergantung kepada pihak tertentu. Mahasiswa boleh terlibat dalam politik tetapi Kesatuan Pelajar mesti kekal *politically neutral*. Ini bermakna, Kesatuan Pelajar bebas untuk terlibat dengan mana-mana parti politik malahan digalakkan untuk aktif menganjurkan wacana ilmiah membincangkan isu-isu nasional dan antarabangsa tetapi tidak boleh cuba membawa agenda politik kepartian dalam Kesatuan.

Jika gerakan mahasiswa era 60an dan 70an adalah bersifat ideologikal seperti sosialis atau *leftish*, amalan pasca AUKU menyaksikan aktivisme mahasiswa dikuasai oleh pihak tertentu terutamanya melibatkan jalur politik. Pelajar-pelajar sangat bergantung kepada keputusan pihak luar parti tertentu yang penulis namakan *political master* dalam menentukan banyak perkara. Seheingakan keputusan-keputusan penting yang melibatkan hal ehwal dalaman universiti juga ditentukan oleh pihak berkepentingan ini.

Naratif sebegini perlu diubah kepada sesuatu yang lebih dinamik dan progresif. Walaupun mahasiswa dibenarkan untuk berpolitik di dalam dan luar kampus tetapi apabila melibatkan isu hal ehwal pelajar, kebijakan dan kepentingan mahasiswa dan universiti perlu sentiasa diutamakan. Dalam erti kata lain, mahasiswa mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan-keputusan penting tanpa di pengaruhi atau pihak luar termasuk parti politik. Ini tidak bermakna pelajar dilarang untuk cenderung kepada mana-mana parti politik tetapi apabila melibatkan hal ehwal mahasiswa dan universiti, pertimbangan dan *awlawiyat* atau keutamaan perlu diberikan kepada mahasiswa dan universiti. Era kebergantungan kepada *political master* dalam membuat keputusan tidak lagi relevan dan perlu diubah.

Perkhidmatan dan Kebijakan

Kesatuan Pelajar menjadi antara organisasi paling berpengaruh menentukan polisi dan dasar kerajaan termasuk pasaran. National Union of Students, United Kingdom dan European Students' Union misalnya telah berjaya mempengaruhi pembuat dasar sehingga mendapat pengecualian cukai kepada pelajar, menghalang kenaikan yuran pengajian, kadar utiliti yang rendah dan kad diskaun untuk perkhidmatan awam (ESU, (2009). Kesatuan Pelajar menerbitkan laporan penting untuk rujukan kerajaan dan universiti seperti Laporan Kedudukan Kesihatan Pelajar, Laporan Kebolehpasaran Pelajar dan sebagainya. Ini menunjukkan

Kesatuan Pelajar berpotensi untuk menjadi *pressure group* atau kumpulan pendesak dan organisasi berpengaruh memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga kampus.

Naratif lama gerakan mahasiswa sering merujuk kepada tuntutan dan pelbagai permintaan kepada kerajaan dan universiti. Demonstrasi demi demonstrasi diadakan menuntut pelbagai perkara demi kebajikan mahasiswa. Kesatuan Pelajar mesti bergerak melangkaui naratif ini. Kesatuan Pelajar perlu lebih kreatif dan inovatif mencipta peluang memberikan khidmat dan menjaga kebajikan mahasiswa. Peranan National Union of Students, United Kingdom dan European Students' Union memperjuangkan hak dan kebajikan mahasiswa boleh dijadikan contoh. Malahan Kesatuan Pelajar di luar negara sudah lama membicarakan perkara yang lebih besar dan dekat dengan mahasiswa seperti peluang pekerjaan, kos sara hidup, biasiswa dan bantuan kewangan, yuran pengajian, hak Orang Kurang Upaya dan fasiliti dan keperluan pembelajaran. Kadar pengangguran golongan belia yang meningkat dari masa ke semasa sepatutnya menjadi agenda utama Kesatuan Pelajar. Mahasiswa kita juga mampu menunjukkan inisiatif yang progresif seperti contoh yang baik ditunjukkan oleh mahasiswa UIAM menerusi inisiatif menyediakan fasiliti *water dispenser* di seluruh kampus sebagai sokongan kepada polisi sifar botol plastik universiti demi menjaga alam sekitar.

Aktiviti dan Program Pelajar

Era Kesatuan Pelajar akan mengubah peranan dan fungsi Bahagian Hal Ehwal Pelajar di universiti. Dalam konteks ini, UIAM telah lebih dahulu bersedia dengan menjenamakan semula Bahagian Hal Ehwal Pelajar kepada Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti. Bahagian Hal Ehwal Pelajar sebelum ini terlibat dalam menguruskan aktiviti dan program pelajar menerusi kelab dan persatuan. Peranan ini sepatutnya tidak lagi dimainkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar memandangkan Kesatuan Pelajarlah yang akan menjadi peneraju kepada aktiviti dan program mahasiswa. Pengurusan aktiviti dan program pelajar termasuk kelab dan persatuan boleh diuruskan oleh Kesatuan Pelajar dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar boleh memfokuskan peranan dan fungsinya dalam pembangunan akademik, sahsiah dan bakat.

Bagi maksud ini, penstrukturan semula kelab dan persatuan di bawah Kesatuan Pelajar perlu berlaku. Kelab dan Persatuan yang bernaung di bawah Kesatuan Pelajar ini juga akan mendapat dana daripada universiti. Dana ini akan diuruskan oleh Kesatuan Pelajar sesuai dan seiring dengan matlamat dan objektif Kesatuan. Dengan itu, Kesatuan Pelajar perlu mempunyai tadbir urus, prosedur, garis panduan, peraturan yang telus dan berkesan. Sebagai contoh, Kesatuan Pelajar Sheffield University menguruskan aktiviti dan program lebih 300 persatuan dan kelab. Mereka juga menerima peruntukan kewangan daripada universiti (Idayu et al, 2020).

Dalam masa yang sama peranan Bahagian Hal Ehwal Pelajar akan diberikan nafas baru. Ia masih relevan dan perlu diperkukuhkan bagi betul-betul memfokuskan kepada pembangunan pelajar. Sudah sampai masanya Bahagian Hal Ehwal Pelajar menumpukan kepada usaha menyediakan program dan kursus yang meningkatkan kemahiran insaniah seiring dengan Revolusi Industri 4.0 seperti kemahiran kepimpinan, informasi teknologi, *artificial intelligent*, *data analytic*, penjaan kewangan, komunikasi, kesukarelawanan, kerja-kerja kemanusiaan, pengurusan dan kewangan dan lain-lain. Manakala Kesatuan Pelajar menumpukan peranan mereka mengendalikan program dan aktiviti pelajar.

Penyelidikan dan Pengurusan Data

Kesatuan Pelajar memiliki banyak kelebihan yang boleh meningkatkan kualiti pendidikan terutama dari aspek pembangunan pelajar. Laporan-laporan komprehensif dikeluarkan oleh Kesatuan Pelajar dan gabungan Kesatuan Pelajar seperti Report on Student Health 1934 dan Report on Graduate Employment 1937 oleh National Union of Students. Laporan sebegini menjadi bukti tuntas peranan yang dimainkan oleh Kesatuan Pelajar. Malahan, ia dijadikan rujukan utama kerajaan dan pembuat dasar termasuk universiti bagi meningkatkan kualiti pendidikan tinggi secara menyeluruh.

Kesatuan Pelajar mesti mempunyai kekuatan dari aspek penyelidikan dan pengurusan data. Bilangan mahasiswa yang ramai dengan kemahiran penyelidikan yang ada perlu digunakan bagi menghasilkan kajian-kajian yang memberikan manfaat kepada semua. Lebih menarik, kekuatan Kesatuan Pelajar yang menaungi mahasiswa pastinya memberikan kelebihan dari aspek data dan maklumat. Data yang dimiliki dan potensi data yang boleh dijanai oleh Kesatuan Pelajar adalah sangat berharga. Dengan penyelidikan dan pengurusan data yang kemas dan efisien, Kesatuan Pelajar mampu menjadi organisasi yang dinamik dan progresif.

Intelektual Awam

Antara kegemilangan yang pernah dikecapi oleh Kesatuan Pelajar era lalu ialah aktivisme intelektual menerusi penerbitan-penerbitan yang sangat signifikan kepada masyarakat termasuk menganjurkan seminar-seminar berimpak tinggi. Medical College Union misalnya pernah menerbitkan majalah tahunan Singapore Medical College Union Magazine dan Medico Journal of the Studies of the King Edward VII College of Medicine. Manakala Raffles College Union memperkenalkan The Malayan Undergrad. Kelab Sosialis Universiti Malaya pula menerbitkan Jurnal Orchid dan Jurnal Fajar (Weiss, Meredith L. (2016). Gerakan mahasiswa menerbitkan akhbar mereka sendiri di mana aktivis pelajar sendiri menulis dan berkongsi idea dan pemikiran dengan masyarakat.

Seminar-seminar anjuran Kesatuan Pelajar juga mendapat liputan utama akhbar dan media perdana. Bahkan, seminar yang dianjurkan mahasiswa mempengaruhi kerajaan dan pembuat dasar seperti penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Seminar yang dianjurkan mahasiswa adalah signifikan dan mampu menarik perhatian ramai pihak dalam dan luar negara. Mahasiswa sangat dekat dengan masyarakat dan menjadi peneraju utama memperjuangkan nasib rakyat. Bukan itu sahaja, mahasiswa juga terlibat dalam advokasi isu-isu antarabangsa.

Keadaan ini tidak berlaku di era Pasca AUKU di mana kita tidak lagi menyaksikan gerakan mahasiswa menerbitkan akhbar atau penerbitan yang menjadi rujukan ramai. Seminar-seminar yang dianjurkan mahasiswa tidak lagi begitu signifikan tidak sepertimana era Kesatuan Pelajar era lalu. Seminar anjuran mahasiswa tidak mendapat liputan utama oleh media dan tidak mempengaruhi pembuat dasar secara signifikan.

Naratif baharu gerakan mahasiswa perlu mengembalikan peranan pelajar dari aspek aktivisme intelektual. Sebagai golongan terpelajar yang bertanggungjawab untuk mencerdaskan masyarakat, gerakan mahasiswa perlu bergiat aktif terlibat dalam wacana-wacana ilmiah bermutu tinggi termasuk menerbitkan karya-karya ilmiah dan menganjurkan program keilmuan berimpak tinggi. Mungkin sudah sampai masanya gerakan mahasiswa menerbitkan akhbar sendiri sama ada secara atas talian atau cetakan. Selain itu, gerakan mahasiswa perlu aktif dan prolifik berkongsi idea di media perdana mengetengahkan isu-isu nasional dan antarabangsa mencerdaskan rakyat dan masyarakat.

Hubungan Antara Mahasiswa dan Universiti

Mahasiswa sering dianggap sebagai pelanggan atau *customer* kepada universiti. Naratif mahasiswa sebagai pelanggan ini menjadikan hubungan pelajar dengan universiti lebih bersifat komersial dan tidak mencerminkan hubungan yang sepatutnya. Konotasi pelanggan sentiasa benar atau *Customers are always right* dan pelanggan adalah Raja mempengaruhi dinamika hubungan dan perspektif umum pelajar dan universiti. Universiti dianggap sebagai institusi yang memberikan perkhidmatan dan pelajar sebagai pelanggan berhak menentukan bentuk perkhidmatan yang diperlukan. Hasilnya, suasana yang diwujudkan di universiti seakan premis perniagaan bukan institusi keilmuan.

Dalam konteks ini, kita dapat lihat bagaimana mahasiswa membuat pelbagai permintaan demi permintaan tanpa ada perasaan tanggungjawab untuk bersama-sama pihak universiti menyelesaikan sesuatu permasalahan. Sepertimana sifat pelanggan yang mempunyai kuasa beli dan penawaran, mahasiswa akan lebih bersifat ego dengan berpandangan bahawa kebenaran sentiasa berpihak kepada mereka. Ini selari dengan konsep pelanggan sentiasa benar dan pelanggan adalah Raja. Kesannya, elemen manusiawi, etika, nilai, adab dan hikmah kurang menjadi tumpuan di universiti. Inilah yang dikatakan oleh Harry Lewis dalam bukunya *Excellence without Soul* iaitu kecemerlangan tanpa roh yang akhirnya menghasilkan manusia yang tidak insani.

Mahasiswa lebih sesuai dianggap sebagai ahli keluarga dalam sebuah institusi. Hubungan antara universiti dan mahasiswa adalah hubungan antara penjaga dan anak-anak. Universiti berperanan membimbing dan menjaga kebajikan mahasiswa sepertimana ayah atau ibu menjaga anak-anaknya. Manakala mahasiswa pula berperanan sebagai anak-anak yang mempunyai tanggungjawab untuk menuntut ilmu dan menyumbang kepada pembangunan keluarga. Sekiranya kerangka ini difahami dan dihayati, universiti pasti akan berkembang dengan jayanya dan mahasiswa pula akan menikmati *Rahmah* dan kasih sayang. Harus diingat, hubungan ini adalah *mutual* iaitu memerlukan kedua-dua pihak untuk memainkan peranannya. Kecuaian oleh pihak universiti untuk menjaga kebajikan mahasiswa pastinya akan menimbulkan keresahan dan perasaan tidak puas hati para pelajar. Kekangan keterlaluan pihak universiti juga hanya akan lebih menyiram perasaan memberontak anak muda.

CABARAN KESATUAN PELAJAR

Idea penubuhan Kesatuan Pelajar bukanlah sesuatu yang baharu. Malahan, sejarah awal gerakan mahasiswa era 1960an dan 1970an menyaksikan bagaimana Kesatuan Pelajar memainkan peranan yang signifikan dalam masyarakat. Usaha mengembalikan Kesatuan Pelajar adalah sesuatu yang tepat pada masanya. Kesatuan Pelajar dilihat mampu mencipta naratif baharu gerakan mahasiswa. Namun, di sebalik konotasi positif idea penubuhan Kesatuan Pelajar ini, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak cabaran yang perlu dihadapi. Cabaran-cabaran ini merangkumi Kemahuan Politik, Agenda Politik Kepartian, Kelesuan Mahasiswa dan Tadbir Urus dan Integriti.

Di celah perkembangan positif ini, kita mesti juga sensitif dan sedar akan cabaran mendepani idea Kesatuan Pelajar. Antara cabaran utama Kesatuan Pelajar ini adalah kemahuan politik atau *Political Will*. Realitinya, setiap kali berlakunya pertukaran kerajaan atau bertukarnya Menteri dan pimpinan di kementerian, maka, polisi dan pendekatan kerajaan juga berubah. Realitinya, pimpinan baru akan mempunyai fokus yang berbeza serta perhatian yang diberikan kepada

idea pimpinan sebelum itu juga pasti tidak sama. Kemungkinan untuk menengguhkan atau mengabaikan idea Kesatuan Pelajar ini pastinya ada. Lebih-lebih lagi, Kesatuan Pelajar ini akan lebih bersifat bebas, entiti sendiri dan tidak lagi bernaung di bawah universiti. Perkara ini juga berlaku di luar negara seperti di United Kingdom apabila the Education (No. 2) Act 1986 telah mengurangkan *representative right* pelajar hasil daripada *the Jarrat Report* yang dikeluarkan oleh the Steering Committee for Efficiency Studies in Universities (Mike Day dan Jim Dickinson, 2018). Inilah di antara perkara yang menjadi cabaran kepada pelaksanaan Kesatuan Pelajar. Idea yang baik akhirnya terkubur begitu sahaja ekoran perubahan pucuk pimpinan dan kemahuan politik.

Kesan daripada perubahan pimpinan politik juga bakal memberikan kesan kepada sejauh mana sokongan yang akan diberikan oleh pengurusan universiti. Jika sebelum ini, pengurusan universiti dilihat memberikan sokongan sepenuhnya kepada kerajaan untuk merealisasikan idea Kesatuan Pelajar, perubahan tampuk pimpinan politik akan mempengaruhi komitmen ini. Pengurusan universiti pastinya akan menumpukan dan memfokuskan komitmen baru yang direncanakan oleh kepimpinan politik yang baharu. Pengurusan universiti kebiasaannya akan mengikut rentak kerajaan dan menurut arahan-arahan kementerian walaupun secara dasarnya autonomi diberikan.

Bagi maksud ini, Malaysia mungkin boleh mempertimbangkan amalan di United Kingdom. Education Act 1994 United Kingdom secara khusus meletakkan peruntukan mengenai Kesatuan Pelajar. Bahagian II, Education Act 1994 memperuntukkan dengan jelas definisi Kesatuan Pelajar, hubungan antara universiti dan Kesatuan Pelajar, pengiktirafan, jaminan kebebasan demokratik, keahlian, tadbir urus, pilihanraya, kewangan, prosedur aduan dan kod amalan. Akta ini melindungi dan menjamin hak dan tanggungjawab Kesatuan Pelajar serta mengiktiraf kewujudan Kesatuan Pelajar sebagai badan yang bebas dan mewakili suara mahasiswa.

Selain itu, kampus selalu dijadikan tumpuan oleh parti politik sama ada pembangkang atau kerajaan. Parti politik mempunyai jentera mereka di kampus dan bergerak menerusi kelab atau persatuan tertentu. Realiti pengaruh parti politik ini adalah sesuatu yang signifikan membentuk naratif gerakan mahasiswa sebelum ini. Bukan itu sahaja, parti politik inilah yang akan cuba menguasai politik kampus dengan menghantar wakil mereka untuk bertanding dalam pilihan raya kampus. Parti Politik ini akan cuba memastikan calon mereka menang pilihan raya kampus dan memegang tampuk pimpinan tertinggi walaupun ada calon lain lebih berkaliber dan berwibawa. Maka tidak hairanlah, kita dapat melihat kecenderungan politik MPP sehinggalah keputusan-keputusan dibuat ditentukan atau dipengaruhi oleh parti politik.

Mahasiswa perlu diberikan kebebasan untuk menyertai kegiatan dan aktiviti politik. Tidak dinafikan mahasiswa yang layak untuk mengundi sewajarnya boleh aktif dalam politik bahkan terlibat politik kepartian. Adalah tidak wajar anak muda bukan bergelar mahasiswa di luar kampus boleh bergiat aktif dalam politik tetapi mahasiswa di kampus pula dikekang. Namun, kebebasan ini ada batasnya dan perlu diseimbangkan dengan kepentingan dan suasana di kampus. Agenda politik kepartian sepatutnya tidak menjadi amalan dan berlaku di kampus. Pimpinan mahasiswa perlu meletakkan kepentingan universiti dan pelajar melebihi kepentingan politik kepartian. Apa yang lebih penting, mahasiswa mesti mampu membuat keputusan sendiri tanpa bergantung kepada pimpinan politik kepartian. Dalam erti kata lain, gerakan mahasiswa adalah melangkaui agenda politik kepartian dan parti politik sama sekali tidak boleh mengawal dan mengatur gerak kerja mahasiswa.

Realiti menunjukkan peratusan pelajar yang terlibat dalam gerakan mahasiswa sebenarnya adalah masih rendah berbanding dengan jumlah 1.2 juta mahasiswa yang ada. Walaupun gerakan mahasiswa menunjukkan perkembangan positif, namun, masih terdapat ramai mahasiswa yang tidak mengendahkan apa yang berlaku di sekeliling dan ada juga yang hanya memfokuskan kepada akademik dan perancangan kerjaya masing-masing. Terdapat juga golongan yang hanya mengkritik dan menimbulkan pelbagai isu tetapi mengelak untuk terlibat sama dalam gerakan mahasiswa. Lebih malang lagi, ada segelintir mahasiswa yang suka mengadu domba menyebarkan sesuatu berita dan maklumat palsu tanpa usul periksa dan berunsur fitnah. Golongan mahasiswa sebegini adalah tidak bertanggungjawab dan sering kali menjadi duri dalam daging kepada aktivisme mahasiswa. Dalam erti kata lain, cabaran untuk mendapatkan sokongan dan komitmen mahasiswa itu juga adalah cabaran yang perlu dihadapi oleh gerakan pelajar.

Tadbir urus dan integriti juga bakal menjadi cabaran besar kepada Kesatuan Pelajar. Jika sebelum ini urusan kewangan, pengurusan program dan aktiviti, pembahagian peruntukan dan sebagainya diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar universiti, kini ia tidak lagi. Kesatuan Pelajar akan mempunyai akaun sendiri dan menguruskan kewangan dan pentadbiran. Ini pasti membuka ruang kepada berlakunya isu integriti dan salah laku yang boleh membawa kepada kesalahan pentadbiran mahupun jenayah. Di kala Kesatuan Pelajar yang masih baru, kemungkinan perkara ini tidak berlaku tetapi apabila ia melibatkan sejumlah wang yang besar di masa akan datang, kebarangkalian salah laku pentadbiran dan kewangan adalah tinggi. Kesatuan Pelajar mesti mempunyai prosedur kewangan yang baik, pengurusan operasi yang teratur, barisan pekerja yang berkebolehan dan jujur, governan dan tadbir urus yang memenuhi piawaian dan kerangka pemantauan dan kawalan yang menyeluruh.

KESIMPULAN

Pemeriksaan gerakan mahasiswa sebenarnya banyak bergantung kepada pelajar itu sendiri. Usaha menubuhkan Kesatuan Pelajar merupakan sesuatu yang tepat pada masanya. Kesatuan Pelajar yang bersifat bebas, mandiri dan lestari pastinya akan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan pemerikasaan mahasiswa. Mahasiswa akan belajar mengendalikan dan menguruskan kesatuan mereka sendiri menerusi tadbir urus tersendiri. Bukan itu sahaja, mahasiswa juga akan belajar menguruskan pilihan raya kampus secara bebas dan berintegriti. Kesatuan Pelajar ini pastinya akan meletakkan aktivisme mahasiswa ke satu peringkat yang lebih tinggi dan paling penting pengiktirafan mahasiswa sebagai pemegang taruh utama di institusi pengajian tinggi.

Sudah sampai masanya untuk kita mencipta kegemilangan baru gerakan mahasiswa menerusi aktivisme mahasiswa yang lebih dinamik dan progresif. Kebangkitan mahasiswa era lalu boleh dijadikan tauladan dan pengajaran serta inspirasi tetapi bukan ikutan secara total. Aktivisme mahasiswa era masa kini perlu mempunyai identiti dan falsafahnya yang tersendiri. Idea penubuhan Kesatuan Pelajar boleh menjadi *catalyst* dan pencetus kepada kebangkitan mahasiswa era baharu. Realiti zaman yang berubah dengan begitu pantas, dinamika kepelbagaian, kelajuan dan kecanggihan teknologi, perbezaan generasi, perkembangan sosio-ekonomi termasuk geo-politik dan cabaran dunia semasa pastinya akan mempengaruhi aktivisme mahasiswa masa kini. Kebangkitan Mahasiswa generasi baharu bukan hanya perlu ada semangat dan tenaga tetapi mesti diiringi dengan kekuatan intelektual, penguasaan ilmu pengetahuan, ketinggian adab, budi dan hikmah serta berjiwa besar dan terbuka.

RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad. (2005). *Mahasiswa Abad 21*. Bangi: UKM.
- Bruce Truscot. (1944). *Red Brick University*. London: Faber & Faber.
- Chang- Da Wan. (2017). *The History of University Autonomy in Malaysia*. Kuala Lumpur: IDEAS.
- CUC. (2011). *Guidance on Relationship Agreements for Higher Education Providers and Students Union*. London: NUS.
- ESU. (2009). *The Student Union Development Handbook, For a Stronger Student Movement*. Brussel: The European Students' Union.
- Filiz Gazi. (2019). *Efforts Underway for Establishing a Student Union Despite Legal Barriers*, Duvar, December, 4. <https://www.duvarenglish.com/society/2019/12/04/efforts-underway-for-establishing-a-student-union-despite-legal-barriers/>
- Hasan Karim dan Siti Nor Hamid. (1984) *With the People! The Malaysian Student Movement 1967-1974*. Petaling Jaya: Institute for Social Analysis.
- Idayu Mumtaz Iskandar, Salsabila Abdul Manan and Muhammad Amin Mubarak Mohd Junid. (2020) *Journal Documentation on United Kingdom Student Union Engagement*. Gombak: IIUMSU.
- Junaidi, Abu Bakar. (1993). *Mahasiswa, Politik dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mike Day dan Jim Dickinson. (2018). *David versus Goliath: the Past, Present and Future of Students's Union in the UK*. London: Higher Education Policy Institute.
- Mohammed Abu Bakar. (1973). *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Philip G. Altbach. (1970). The International Student Movement, *Journal of Contemporary History*. 5 (1): 159-160.
- Saifuddin Abdullah. (2009). *Kalau Saya Mahasiswa*. Kuala Lumpur: Ebook.
- Richard Vaughan. (2018). *National Union of Students Will Go Bankrupt in Spring 2019, Leaked Documents Reveal*, I-News, November, 28. <https://inews.co.uk/news/education/nus-bankrupt-spring-overdraft-199511>
- Riduan Mohamad Noor. (2007). *Potret Perjuangan Mahasiswa Dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Weiss, Meredith L. (2005). *Still With People? The Chequered Path of Student Activism in Malaysia, South East Asia Research* 13 (3): 287-332
- Weiss, Meredith L. (2016). *Aktivisme Mahasiswa Malaysia*. Petaling Jaya: SIRD.
- Zainah Anwar. (1990). *Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.